



PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (**keutamaan diberikan kepada rakyat Negeri Perlis**) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). Jawatan-jawatan yang ditawarkan ini adalah lantikan bertaraf **KONTRAK (INTERIM)**.

A. SKIM PERKHIDMATAN

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
1	PEGAWAI TADBIR	N9	1
2	PENOLONG JURUTERA	JA5	1
3	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N1	3

Tarikh Permohonan Dibuka : 28 Julai 2025 (Isnin)

Tarikh Permohonan Ditutup : 07 Ogos 2025 (Khamis)

B. SYARAT LANTIKAN

1. (a) JAWATAN : PEGAWAI TADBIR
(b) GRED : N9
(c) TARAF PERKHIDMATAN : KONTRAK (INTERIM)

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,250.00	RM 11,110.00	RM 225.00

1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).
- (d) Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki pengalaman di dalam **Bidang Pemasaran dan Jualan (sekurang-kurangnya 3 tahun)**.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab merancang, menggubal, mengurus, menyelaras, melaksanakan, menilai dasar dan peraturan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran organisasi termasuklah pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta penyelidikan dan Pembangunan pengurusan.

2. (a) JAWATAN : PENOLONG JURUTERA
(b) GRED : JA5
(c) TARAF PERKHIDMATAN : KONTRAK (INTERIM)

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
Kumpulan : Pelaksana
(Skim Perkhidmatan Bersepadu)

Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,731.00	RM 6,620.00	RM 145.00

1. **SYARAT LANTIKAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).
- (d) Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki pengalaman di dalam **Bidang Kejuruteraan (sekurang-kurangnya 3 tahun)**.

2. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melukis, menyurih pelbagai pelan berkaitan lukisan arkitek, rangka bina, perspektif, rajah pembentukan besi, keratan rentas, kontur dan lain-lain berkaitan.

3. (a) JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O)
(b) GRED : N1
(c) TARAF PERKHIDMATAN : KONTRAK (INTERIM)

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

1. **SYARAT LANTIKAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00).
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

2. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong** yang boleh didapati dalam laman web rasmi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dengan melayari <https://www.pkenps.gov.my/ms-perjawatan> dan semua borang permohonan jawatan kosong perlu disertakan bersama **salinan sijil/dokumen yang telah disahkan** seperti berikut:-
 - i) *Resume* terkini;
 - ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang);
 - iii) Sijil Kelahiran;
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah;
 - v) Sijil-sijil Akademik (Sijil SPM/ Diploma/ Ijazah atau kelayakan yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan);
 - vi) Sijil Kegiatan Luar (jika ada); dan
 - vii) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon atau pengesahan kemahiran yang berkaitan.
2. Pemohon juga dikehendaki membawa dokumen-dokumen (Asal) semasa menghadiri sesi temuduga tersebut.
3. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan dikehendaki memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Pegawai-Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Bahagian III, Peraturan 18. Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang diakui sah oleh Ketua Jabatan seperti berikut iaitu:
 - i) Surat Pengesahan Ketua Jabatan;
 - ii) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini;
 - iii) Salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini;
 - iv) Salinan surat kelulusan pengisytiharan harta; dan
 - v) Salinan penyata gaji yang terkini.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

Tarikh tutup permohonan jawatan kosong bagi jawatan yang dinyatakan ialah pada **07 Ogos 2025 (Khamis) selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang.**

E. MAKLUMAT AM

1. Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
 - i) Tidak menyertakan salinan dokumen/sijil yang disyaratkan;
 - ii) Menyertakan salinan dokumen/sijil yang tidak dibuat pengesahan;
 - iii) Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tulisan tidak terang/jelas;
 - iv) Memohon jawatan yang tidak diiklankan;
 - v) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - vi) Borang permohonan tidak ditandatangani;
 - vii) Borang permohonan diterima selepas tarikh tutup permohonan; dan
 - viii) Borang permohonan yang dikemukakan tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Hanya calon yang layak **SAHAJA** akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

F. ALAMAT PERMOHONAN

1. Permohonan yang lengkap diisi beserta salinan/dokumen yang telah disahkan hendaklah di alamatkan kepada:

**Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
No. 173-191, Taman Kemajuan
Jalan Raja Syed Alwi
01000 KANGAR, PERLIS
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

2. **Satu borang hanya untuk satu jawatan sahaja.**
3. Sila tuliskan '**Nama Jawatan**' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.

Tarikh Iklan Disiarkan: 28 Julai 2025 (Isnin)